



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA

SEMPENA
KEMPEN “VAX & WIN”

TARIKH: 28 JULAI 2021 (RABU) , MASA: 3.30 PETANG
DI BILIK MESYUARAT TUN PERAK (MMKN)

BismillahirRahmanirRahim,

Alhamdulillahil Rabbil A'lamin, Wassolatuwassalamu A'la
Asyrafil Anbiyai Wal Mursalin, Wa A'la Alihi Wasohbihi
Ajmain, Amma Ba'du,

Allahumma Solli A'la Saidina Muhammad Wa A'la A-li
Saidina Muhammad,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia,

Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Hasim bin Hasan,
Setiausaha Kerajaan Negeri;

Yang Berhormat Datuk Muhammad Jailani bin Khamis,
EXCO Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan Negeri Melaka;

Yang Berhormat Datuk Rahmad bin Mariman,
EXCO Kesihatan dan Anti Dadah Negeri Melaka;

Yang Berbahagia Dato' Sri Yap Ngan Choy,
Pengerusi NCT Alliance Berhad;

Seterusnya, tuan-tuan, puan-puan yang dihormati
sekalian,

MUKADIMAH

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah izin-Nya, pada hari ini kita dapat hadir

pada Pelancaran Kempen Insentif Vaksinasi “Vax & Win” yang dianjurkan oleh Syarikat NCT Alliance Berhad.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada pihak NCT Alliance atas penganjuran kempen yang bersifat interaktif, sesuai dengan keadaan norma baharu yang bertujuan bagi menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia mendapatkan suntikan vaksin COVID-19.

3. Kerajaan Negeri Melaka amat menyambut baik dan mengalu-alukan serta menyokong penganjuran program-program sebegini sebagai satu usaha untuk meningkatkan kesedaran dan keyakinan masyarakat untuk mengambil vaksin seterusnya membantu kerajaan negeri mencapai status imuniti kelompok di Melaka.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

KEMPEN VAX & WIN

4. Saya dimaklumkan, orang ramai yang menyertai kempen ini berpeluang untuk memenangi pelbagai tawaran hadiah menarik yang disediakan termasuk hadiah utama berupa **sebuah unit hartanah Ion Forte Green City di Melaka bernilai Ringgit Malaysia Empat Ratus Dua Puluh Tiga Ribu Lapan Ratus (RM423,800.00)** dan **sebuah unit hartanah Grand Ion Majestic di Genting Highlands, Pahang yang bernilai Ringgit Malaysia Lima Ratus Tujuh Puluh Ribu (RM570,000.00)**.

5. Selain itu, saya juga difahamkan, penyertaan kempen ini akan mula dibuka pada **1 Ogos 2021 sehingga 31 Mac 2022**. Apa yang pasti, orang ramai yang ingin menyertai kempen ini mestilah dalam kalangan warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas serta telah lengkap menerima dua dos suntikan vaksin COVID-19 sebelum atau semasa tempoh kempen berlangsung.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

6. Seperti yang kita semua sedia maklum, negeri Melaka masih berada dalam Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) iaitu pelan strategi peralihan untuk keluar secara berfasa daripada kemelut pandemik COVID-19.
7. Daripada 3 indikator di bawah Pelan Pemulihan Negara, negeri Melaka perlu merekodkan jumlah positif harian kes COVID-19 di bawah **114 kes**, sebelum dapat beralih ke fasa kedua.

8. Justeru, kita perlu mempercepatkan purata penerima vaksin harian negeri Melaka untuk memutuskan rantaian COVID-19 ini, seterusnya beralih ke fasa kedua.

9. Sehingga 25 Julai 2021, seramai **262,217** atau **38.71** peratus populasi 18 tahun ke atas telah menerima dos pertama. Manakala, seramai **141,125** atau **20.83** peratus populasi rakyat Melaka yang berumur 18 tahun ke atas telah lengkap menerima dos kedua.

10. Dalam usaha untuk memutuskan rantai COVID-19 ini di samping mempercepat proses pemberian vaksin, Kerajaan Negeri Melaka juga telah meningkatkan jumlah pembukaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di seluruh negeri Melaka iaitu sebanyak **106 PPV** keseluruhannya.

11. Dengan pertambahan kesemua PPV ini, kapasiti suntikan sehari, dijangka akan melonjak, daripada **7,800** orang sehari pada 18 Jun lalu, kepada kini seramai **14,660** orang sehari.

12. Saya yakin dengan tindakan pantas untuk mempercepatkan proses vaksinasi kepada rakyat, InsyaAllah dalam beberapa bulan lagi, matlamat imuniti kelompok 80 peratus atau *herd immunity* dapat kita capai di Melaka.
13. Lantaran itu, saya menyeru kepada semua rakyat di negeri Melaka, untuk sama-sama berganding bahu mengawal penularan wabak ini dengan mendaftar penerimaan vaksin di samping mematuhi segala SOP yang telah ditetapkan.

PENUTUP

14. Akhir kata, dengan lafaz kalimah Bismilahirrahmanirrahim, sukacitanya saya melancarkan kempen insentif vaksinasi “Vax & Win” pada hari ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah Wassalamu Alaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.

